

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17/11/2009

# China: Malaysia perlu ambil faedah - Tun M

KUALA LUMPUR 16 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia perlu mengambil faedah daripada kebangkitan China sebagai kuasa besar ekonomi dunia tidak lama lagi.

Beliau berkata, langkah itu akan dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.

“Kita sudah biasa dengan Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah dalam membuat hubungan dagangan tetapi jangan sesekali me-

ngetepikan China kerana negara itu mampu mengeluarkan apa sahaja yang kita perlukan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis sarapan pagi bersama delegasi perniagaan China sempena Forum Ekonomi China Dunia di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Pengerusi Bersama Majlis Perniagaan Ma-

laysia-China, Tan Sri Lee Kim Yew.

Menurut Mahathir, berdasarkan kepada perkembangan terbaru itu usahawan tempatan perlu berusaha untuk meneroka pasaran khusus yang mana tidak diteroka oleh China.

Ujar bekas Perdana Menteri itu, dengan menceburi pasaran khusus di China secara automatiknya ia akan membantu membangunkan satu-satu produk yang baik.

Katanya, beliau yakin ekonomi China te-

tap akan berkembang walaupun berdepan dengan krisis kewangan antarabangsa di mana pernah menikmati Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 12 peratus berbanding lapan peratus dalam tahun ini.

“Apa sahaja sekarang ini orang bercakap tentang China, selain bilangan penduduk yang teramai di dunia, negara itu juga merupakan antara yang terpantas pulih dari krisis kewangan dan usahawan Malaysia perlu melihat kepada perkembangan itu,” katanya.